



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YANG HORMAT PROF. DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI
PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**TARIKH
ISNIN, 29 OKTOBER 2007**

**TEMPAT
PERKARANGAN KOMPLEKS PERKHIDMATAN SISWA
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**MASA
9.00 PAGI**

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YANG HORMAT PROF. DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
DI PERKARANGAN KOMPLEKS PERKHIDMATAN SISWA, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA HARI ISNIN, 29 OKTOBER 2007 PUKUL 9.00 PAGI**

SALUTASI

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sabarudin bin Mohd,
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);

Pegawai-pegawai Kanan;

Profesor-profesor;

Dekan-dekan;

Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Yang Dipertua dan ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar;

Para pegawai dan kakitangan;

Hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan selamat sejahtera.

KATA PEMBUKA

1. *Rebana dipalu pengantin dijamu,
Cincin emas tersarung di jari;
Ramadhan berlalu Syawal bertamu,
Mesra kasih di Aidilfitri.*

Terlebih dahulu, marilah kita sama merafakkan setinggi-tinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Taala, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, maka kita dapat bertemu dan seterusnya beramah-mesra dalam Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Universiti Malaysia Pahang pada pagi yang ceria dan meriah ini.

2. Alhamdulillah, saya amat bersyukur kepada Allah Taala kerana dapat bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam majlis yang penuh makna dan erti ini, yang mana menjadi agenda tetap bagi universiti ini saban tahun. Pertemuan dan perhimpunan kita pada pagi ini dapat kita jalankan dengan penuh tertib dan teratur, dalam suasana yang

harmoni dan mesra. Inilah nikmat kemerdekaan yang telah kita nikmati sejak 5 dekad yang lepas, seluruh rakyat dapat memelihara dan mengekalkan keamanan yang dikecapi ini, utuh dan kukuh dalam semangat persaudaraan dan perpaduan sebagai bangsa Malaysia.

AIDILFITRI MANIFESTASI KEMENANGAN

3. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Hari ini telah genap 18 hari kita berada dalam bulan Syawal. Walaupun Ramadhan telah kita tinggalkan, namun iktibar dan pengajaran daripada bulan mulia tersebut hendaklah kekal menjadi ingatan dan amalan. Syawal yang menjelma setelah Ramadhan berlalu pergi hendaklah disambut dengan penuh keinsafan dan kesyukuran, kerana di luar sana, masih ramai umat Islam yang menderita akibat kebuluran dan peperangan. Walaupun umat Islam telah disebut oleh Allah Taala dalam al-Qu'ran sebagai umat yang terbaik, namun malang sekali umat

Islam amat ketinggalan dewasa ini, baik dari segi ekonomi, pendidikan, pembangunan dan sebagainya.

4. Kekalutan, kegawatan dan kerencatan yang menimpa umat Islam pada hari ini berlaku akibat kelemahan kita sendiri yang gagal mengurus ummah ini menurut cara yang telah dianjurkan oleh Allah Taala dan Nabi Muhammad S.A.W. Kegemilangan dan keagungan tamadun Islam yang pernah mendominasi dunia satu ketika dahulu kini tinggal sebagai catatan sejarah untuk ditatap di muzium-muzium dan dibaca di perpustakaan-perpustakaan seluruh dunia. Empayar Islam menguasai hampir dua pertiga muka bumi, dan para sarjana Islam menggungguli pencapaian dalam bidang sains, perubatan, pertanian dan sebagainya melalui pelbagai ciptaan dan penemuan. Inilah manifestasi kemenangan yang suatu ketika dahulu menjadi kemegahan umat Islam rentetan peristiwa Hijrah, pembukaan kota Makkah dan kemunculan sistem khilafah. Justeru, dalam dunia baru yang serba moden dan canggih ini, kemenangan ini perlulah dipulihkan kembali, bukan melalui mata pedang, peluru senapang atau ledakan bom, sebaliknya melalui penghayatan

- ajaran Islam secara menyeluruh dan mengeneppikan persengketaan yang sia-sia.
5. Oleh itu, peranan kita semua sebagai pegawai dan kakitangan universiti ini amatlah besar untuk mengembalikan keagungan tamadun dan peradaban yang telah terbina dahulu. Universiti sebagai menara gading adalah medan pertemuan pelbagai disiplin ilmu untuk dikembangkan bagi kemajuan sejagat. Perkembangan, pembangunan dan kemajuan hanya akan dicapai sekiranya kita semua bersatu di atas landasan perpaduan dan persaudaraan.
 6. Oleh itu, sempena Syawal 1428 Hijrah ini, marilah kita semua di Universiti Malaysia Pahang ini memperbaharui azam dan tekad untuk membawa universiti ini ke puncak kegemilangan dan kecemerlangan. Sebagai sebuah universiti awam, masih banyak yang agenda yang perlu kita laksanakan untuk membantu kerajaan merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pengajian tinggi global, dengan pakej

kursus, kurikulum, infrastruktur yang setanding dengan universiti-universiti lain yang lebih *premier*.

PENGHARGAAN BUAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

7. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dalam kemeriahan dan keceriaan sambutan pada hari ini, ada perpisahan yang terpaksa kita relakan walau dengan berat hati. Majlis yang diadakan pada pagi ini turut meraikan Yang Berbahagia Prof. Dr, Badhrulhisham bin Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang akan berkhidmat di tempat kerja yang baru.

Sepanjang perkhidmatan beliau selama hampir 4 tahun di universiti ini, Prof. Dr. Badhrulhisham telah memperlihatkan komitmen dan dedikasi yang amat tinggi untuk membangunkan dan memajukan universiti ini. Pelantikan beliau ke portfolio Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sejak

setahun yang lepas adalah pengiktirafan terhadap kepakaran dan pengalaman beliau.

8. Justeru, saya dan seluruh warga Universiti Malaysia Pahang mendoakan agar Prof. Dr. Badhrulhisham akan dapat meneruskan kesinambungan kecemerlangan kepimpinan beliau di tempat kerja yang baru. Walaupun akan berkhidmat di tempat yang baru, saya dan seluruh warga Universiti Malaysia Pahang berharap, Prof. Dr. Badhrulhisham dapat melapangkan masa untuk sekali-sekala datang berkunjung ke kampus universiti ini. Sumbangan buah fikiran, tenaga dan kepakaran yang telah diberikan oleh Prof. Dr. Badhrulhisham terhadap universiti ini amatlah berharga dan bernilai, tiada terbalas dengan wang ringgit atau timbunan harta. Semoga Allah Taala melimpahkan rahmat-Nya ke atas Prof. Dr. Badhrulhisham dengan kemurahan rezeki, kepanjangan usia dan kesihatan tubuh badan. Sayang sekali, beliau tidak dapat bersama dengan kita pada pagi ini kerana saya difahamkan beliau baru saja selesai menjalani pembedahan, namun doa kita semua sentiasa mengiringi kejayaan Prof. Dr. Badhrulhisham.

KATA PENUTUP

9. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bersempena bulan Syawal yang penuh kemuliaan ini, marilah kita sama-sama bermaaf-maafan di antara satu sama lain dengan penuh keinsafan dan kesedaran. Sengketa kita redakan, yang renggang kita rapatkan, yang jauh kita dekatkan dan barang yang lepas kita lupakan. Majlis Sambutan Aidilfitri peringkat Universiti Malaysia Pahang pada pagi ini adalah salah satu medan untuk kita semarakkan kampus ini dengan suasana kemesraan dan persaudaraan yang berkekalan bak kata peribahasa Melayu, *“Air dicincang takkan putus”* dan *“Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum jua.”*

10. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua warga kerja UMP yang telah bertungkus-lumus mengorbankan masa dan menyumbangkan tenaga bagi menjayakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Universiti Malaysia Pahang pada pagi ini. Saya juga

mengucapkan terima kasih kepada Pusat-pusat Tanggungjawab yang telah memberikan kerjasama padu dengan menyumbangkan pelbagai juadah dan sajian untuk dikongsi dan nikmati bersama oleh para tetamu dan hadirin pada hari ini. Semoga usaha dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan sekalian mendapat ganjaran yang sebesar-besarnya dari Allah Taala.

Kolek berlabuh di Pekan Triang,

Esoklah belayar ke Singapura;

Lebaran meriah disambut riang,

Harmoni terjalin kasih dan mesra.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin;

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.